



# MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

## JAWATAN KOSONG

Majlis Peperiksaan Malaysia ialah sebuah Badan Berkanun di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia ingin mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan tetap/kontrak seperti berikut:

| Bil. | Jawatan/Taraf   | Gred | Klasifikasi Perkhidmatan              | Kumpulan Perkhidmatan      | Jadual Gaji  |               | * Elaun   |
|------|---|------|---------------------------------------|----------------------------|--------------|---------------|---|
|      |   |      |                                       |                            | Gaji Minimum | Gaji Maksimum |   |
| 1.   | Pegawai Peperiksaan (Tetap/Kontrak)                   | DG41 | Perkhidmatan Pendidikan               | Pengurusan dan Profesional | RM1,917.00   | RM8,652.00    | ITKA : RM300.00<br>ITP : RM300.00<br>BSH : RM300.00 |
| 2.   | Juruteknik Komputer (Tetap/Kontrak)                   | FT17 | Perkhidmatan Sistem Maklumat          | Pelaksana                  | RM953.00     | RM3,490.00    | ITKA : RM115.00<br>ITP : RM300.00<br>BSH : RM300.00 |
| 3.   | Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) (Tetap/Kontrak) | N17  | Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan | Pelaksana                  | RM928.00     | RM3,375.00    | ITKA : RM115.00<br>ITP : RM300.00<br>BSH : RM300.00 |
| 4.   | Pembantu Tadbir (Kewangan) (Tetap/Kontrak)            | W17  | Perkhidmatan Kewangan                 | Pelaksana                  | RM929.00     | RM3,377.00    | ITKA : RM115.00<br>ITP : RM300.00<br>BSH : RM300.00 |
| 5.   | Pembantu Operasi (Tetap/Kontrak)                      | N11  | Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan | Pelaksana                  | RM847.99     | RM2,663.00    | ITKA : RM 95.00<br>ITP : RM300.00<br>BSH : RM300.00 |

\* ITKA: Imbuhan Tetap Khidmat Awam ITP: Imbuhan Tetap Perumahan BSH: Bantuan Sara Hidup

### A. SYARAT LANTIKAN:

#### 1. Pegawai Peperiksaan Gred DG41

- (i) **Ijazah Sarjana Muda** serta **Diploma Pendidikan (Bahasa Melayu)** yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan/luar negara atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- (ii) **Ijazah Sarjana Muda Dengan Pendidikan (Bahasa Melayu)** yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan/luar negara.

#### 2. Juruteknik Komputer Gred FT17

- (i) SPM serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 atau 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- (ii) sijil dalam bidang teknologi maklumat atau prosesan data yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- (iii) sijil dalam bidang kejuruteraan elektronik (komputer) yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.

### 3. Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17

- (i) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- (ii) kepujian B.M (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Keutamaan diberi kepada calon yang berkebolehan mengendalikan komputer dan/atau mengambil trengkas).

### 4. Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W17

- (i) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta kepujian dalam mata pelajaran Matematik atau Perdagangan atau Akaun pada peringkat peperiksaan tersebut; atau
- (ii) Sijil Pengurusan Perniagaan atau Sijil Penyimpanan Kira-Kira daripada Politeknik di bawah Kementerian Pendidikan atau kelayakan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- (iii) kepujian B.M (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### 5. Pembantu Operasi Gred N11

- (i) PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
- (ii) PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan memiliki lesen memandu kelas B2/B/D/E2/E1/E yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)].

## B. CARA MEMOHON:

- (i) Borang Permohonan MPM 1 dicetak sendiri daripada laman sesawang [www.mpm.edu.my](http://www.mpm.edu.my). Borang ini juga boleh difotostat.
- (ii) Semua permohonan hendaklah disertakan dengan sekeping gambar ukuran passport, salinan sijil persekolahan, dan lain-lain sijil berkaitan serta salinan kad pengenalan.
- (iii) Pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing berserta dengan salinan Kenyataan Perkhidmatan dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan yang terkini.
- (iv) Nama jawatan yang dipohon hendaklah ditulis pada sudut atas sebelah kiri sampul surat.
- (v) Borang permohonan yang telah lengkap hendaklah di hantar kepada:

**Ketua Eksekutif  
Majlis Peperiksaan Malaysia  
Persiaran 1, Bandar Baru Selayang  
68100 BATU CAVES  
Selangor Darul Ehsan  
(u.p: Bahagian Pengurusan Personel dan Pentadbiran)**

### **C. CATATAN AM:**

- (i) Hanya pemohon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk sesi temu duga.
- (ii) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya. Tiada makluman secara bersurat akan dikeluarkan oleh pihak Majlis Peperiksaan Malaysia bagi permohonan yang tidak berjaya.
- (iii) Sebarang permohonan yang lewat, tidak lengkap, dan tidak mematuhi syarat akan ditolak dan dianggap tidak berjaya.

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 11 DISEMBER 2015**